

19 SEP 1998

KOMANWEL:DR MAHATHIR SAKSI PERTANDINGAN ANGKAT BERAT

KUALA LUMPUR, 19 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyaksikan pertandingan angkat berat Sukan Komanwel ke-16 di sini.

Ketibaan beliau disambut Presiden Persekutuan Angkat Berat Malaysia Datuk Wira Gan Boon Leong.

Dr Mahathir berada lebih setengah jam menyaksikan acara snatch akhir kategori berat badan lebih 105kg.

Acara snatch akhir itu dimenangi oleh Darren Liddel dari New Zealand yang berjaya mengangkat 165.0kg, pingat perak dimenangi oleh Giles Greenwood dari England (162.5kg) manakala Christopher Rae dari Australia merangkul pingat gangsa (160.0kg).

Terdahulu Perdana Menteri dan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar telah menyaksikan pertandingan akhir kriket Sukan Komanwel ke-16 di Stadium PKNS, Kelana Jaya, di sini.

Dr Mahathir kemudian dijadual menyaksikan acara lumba basikal di Velodrom Kuala Lumpur Cheras dan olahraga di Stadium Nasional, Bukit Jalil.

-- BERNAMA

RP/AZ NAK